

Penyakit ini berjangkit menerusi makanan, minuman dan udara sekitaran yang dicemari virus. Pengesanan awal jangkitan dan pelupusan segera unggas dijangkiti adalah kaedah diamalkan bagi membendung dan seterusnya membasmi penyakit ini.

Tanda-tanda Penyakit HPAI

- Ayam sakit dan 'jatuh' dari pokok
- Ayam seolah-olah mencatuk
- Kadar kematian unggas yang tinggi
- Kepala ayam membengkak dan berwarna merah hingga ungu
- Kesesakan darah (*congestion*) organ-organ penting seperti tonsil sikum, paru-paru, tembolok dan dinding usus pada pemeriksaan *post-mortem*.

Penyakit HPAI dikaitkan dengan perkara-perkara berikut:

- Penyertaan didalam pertandingan sabung ayam
- Penyertaan pertandingan ayam cantik
- Penyertaan pertandingan suara burung
- Kemasukan ayam, itik, dan burung dari negara jiran atau kawasan jangkitan
- Kemasukan daging ayam segar dari negara jiran atau kawasan jangkitan



Gambar 1: Kepala ayam dijangkiti virus avian influenza jenis H5N1 bengkak dan berwarna merah hingga ungu



Gambar 2: Pemeriksaan *post-mortem* menunjukkan kesesakan dan/atau pendarahan organ-organ seperti pada tonsil sikum

Tindakan dilaksanakan bagi membendung jangkitan HPAI

- Melupuskan ayam, itik dan burung peliharaan dalam lingkungan 1 km dari pusat jangkitan. Unggas tersebut dimatikan terlebih dahulu menggunakan gas karbon dioksida. Seterusnya di *incinerate* bagi mematikan virus
- Melarang pemindahan ayam, itik dan burung peliharaan dan produknya dari kawasan jangkitan
- Menjalankan disinfeksi reban, raga, sangkar dan premis ayam, itik dan burung selepas pelupusan bagi mematikan sisa virus
- Melarang pemindahan ayam, itik, burung peliharaan keluar dari negeri Kelantan atau kawasan jangkitan bagi mengelak risiko penularan jangkitan
- Melarang kemasukan ayam, itik dan burung peliharaan serta produknya dari negara jiran bagi mencegah kemasukan ternakan yang dijangkiti



Gambar 3: Ayam, itik dan burung peliharaan dimatikan menggunakan gas karbon dioksida. Kaedah ini diiktiraf oleh Badan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE)

Anda boleh membantu membasmi jangkitan HPAI dengan:

- Mengelakan dari membawa masuk ayam, itik dan burung peliharaan dan produknya dari negara jiran
- Tidak menganjur dan menyertai pertandingan ayam sabung, ayam cantik dan suara burung
- Tidak membawa keluar ayam, itik, dan burung peliharaan dari Kelantan atau kawasan jangkitan
- Menyerahkan ayam, itik, burung peliharaan bila dikehendaki oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk dilupuskan
- Tidak menyorokkan ayam, itik dan burung peliharaan yang perlu dilupuskan
- Melaporkan segera kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan bila melihat tanda-tanda penyakit
- Tidak membuang karkas ayam, itik dan burung peliharaan yang mati dimerata tempat termasuk sungai-sungai
- Mengurung ayam, itik dan burung peliharaan yang perlu dilupuskan
- Meningkatkan tahap biosekuriti ladang
- Membersih dan mensucihama kenderaan digunakan untuk mengangkut ayam, itik dan burung peliharaan
- Membenarkan pegawai-pegawai Jabatan Perkhidmatan Haiwan mengambil sampel untuk mengesan virus

- Memberikan maklumat yang tepat berhubung dengan sumber ayam, itik dan burung peliharaan bila diminta oleh pegawai Jabatan Perkhidmatan Haiwan
- Memberikan maklumat yang betul berhubung dengan kematian ayam, itik dan burung peliharaan bila diminta oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan



Gambar 4: Karkas ayam, itik dan burung peliharaan di incinerate bagi mematin virus HPAI

Maklumat lanjut, sila hubungi:


Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan

Bilik Gerakan : 03-88702007 atau 03-88702005
Dr Kamarudin : 012-3772942
Dr Rozanah : 013-6154776

Pejabat Perkhidmatan Haiwan Negeri

Negeri : Perak

Tel : 05-5459111/122/133

 JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN
MALAYSIA

Anda Boleh Membantu Membasmi Penyakit Selsema Burung



Penyakit Selsema Burung atau *Highly Pathogenic Avian Influenza (HPAI)* ialah penyakit unggas dan boleh menjangkiti manusia disebabkan **virus Avian Influenza jenis H5N1**. Ia disahkan berlaku di negara kita pada **17 hb Ogos 2004** di Kampung Pasir Pekan, Wakaf Bharu, Tumpat Kelantan.